

## PEMIKIRAN USUL AL-TAFSIR MUSAID AL-TAYYAR: TELAHAN AWAL

**Muhammad Firdaus Abdul Mujid<sup>1</sup>, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi<sup>2\*</sup> & Najamuddin Petta Solong<sup>3</sup>**

*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia<sup>1,2</sup>*

*IAIN Sultan Amai Gorontalo, Indonesia<sup>3</sup>  
izzar@ukm.edu.my \**

### ABSTRACT

*The discipline of Usul al-Tafsir is essential for achieving an accurate understanding of the Quran. Research on the thoughts of prominent scholars regarding issues in Usul al-Tafsir has often been conducted by researchers in the field of Quranic studies to identify the foundational principles they adhere to in interpreting the Quran. However, the thoughts of Musaid al-Tayyar on Usul al-Tafsir remain insufficiently explored, despite his significant role in the reformative movement of Quranic studies. This article discusses the preliminary objections to the thought of Usul al-Tafsir Musaid al-Tayyar as well as providing justification for further research related to it. His critical thinking deserves deeper examination to identify accurate perspectives within Usul al-Tafsir and to answer the doubts raised through this discipline. Data were obtained through qualitative methods employing a content analysis design focused on the works of Musaid al-Tayyar, supported by relevant literature. The data were then analyzed descriptively and thematically. The findings of the study indicate that Musaid al-Tayyar's thoughts should be examined in greater detail, as he not only cited the views of previous scholars but also provided critical critiques supported by justifications, grounded in his mastery of the discipline of Usul al-Tafsir. His critique of Dr. Husein al-Dzahabi, who also has a significant influence in the field of Quranic studies, has opened the space for ijihad and broader intellectual discourse within the study of the Quran. In conclusion, if al-Tayyar's thoughts can be studied more deeply, it would undoubtedly be highly beneficial for developing and refining the understanding of the discipline of Usul al-Tafsir.*

**Keywords:** *Usul al-Tafsir, Musaid al-Tayyar, Husein al-Dzahabi, Quranic studies, Tafsir.*

### ABSTRAK

*Usul al-Tafsir merupakan sebuah disiplin ilmu yang diperlukan bagi memahami al-Quran dengan tepat. Kajian mengenai pemikiran Usul al-Tafsir seseorang tokoh tafsir telah kerap dijalankan oleh para pengkaji di bidang tafsir bagi mengetahui asas yang dipegang oleh mereka ketika mentafsirkan al-Quran. Walau bagaimanapun, pemikiran Usul al-Tafsir oleh Musaid al-Tayyar masih kurang dikaji secara lebih mendalam meskipun beliau merupakan tokoh yang berperanan penting dalam gerakan *Tajdid* pengajian al-Quran. Artikel ini membincangkan berkenaan telahan awal terhadap pemikiran Usul al-Tafsir Musaid al-Tayyar sekaligus memberikan justifikasi kewajaran kajian lebih lanjut berkaitannya. Pemikiran kritis beliau wajar diteliti dengan lebih mendalam bagi memilih pandangan yang tepat dalam Usul al-Tafsir serta berupaya menjawab *syubhat* yang ditimbulkan melalui disiplin ilmu ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menerapkan reka bentuk analisis kandungan berfokuskan kepada karya Musaid al-Tayyar dan disokong beberapa literatur yang berkaitan. Seterusnya data dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemikiran Musaid al-Tayyar sewajarnya dikaji dengan lebih terperinci kerana beliau tidak sekadar menukilkan pandangan daripada sarjana sebelumnya, bahkan beliau turut memberikan kritikan dengan justifikasi yang kritis berpandukan penguasaan beliau terhadap disiplin ilmu Usul al-Tafsir. Kritikan beliau terhadap Dr. Husein al-Dzahabi yang juga mempunyai pengaruh yang*

besar dalam bidang pengajian al-Quran telah membuka ruang ijtihad dan pemikiran dengan lebih luas dalam wacana pengajian al-Quran. Kesimpulannya, sekiranya pemikiran al-Tayyar dapat dikaji dengan lebih mendalam, sudah pasti ia amat bermanfaat bagi mengembangkan dan meluruskan kefahaman berkaitan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir*.

**Kata kunci:** *Usul al-Tafsir, Musaid al-Tayyar, Husein al-Dzahabi, pengajian al-Quran, Tafsir.*

## PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang penuh dengan keagungan dan kebijaksanaan. Ia tidak boleh ditafsirkan secara sambil lewa, sebaliknya memerlukan kepada disiplin ilmu yang mendalam bagi memahaminya dengan benar. Ilmu *Usul al-Tafsir* adalah sebuah disiplin ilmu yang memastikan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan tepat berdasarkan panduan-panduan yang telah ditetapkan oleh para sarjana tafsir. Sebagaimana Ilmu Tajwid akan memandu seseorang melafazkan sebutan al-Quran dengan benar, demikian juga ilmu *Usul al-Tafsir* akan memandu seseorang memahami makna al-Quran dengan benar. Terdapat pelbagai kepentingan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* seperti membantu ahli tafsir memahami al-Quran dengan baik, membezakan pentafsiran yang benar dan salah, mencari kata pemutus terhadap pelbagai pandangan ahli tafsir, menjelaskan metode-metode memahami al-Quran dan lain-lain (Salman Zainal 2020).

Ilmu *Usul al-Tafsir* merupakan salah satu cabang daripada ilmu *Ulum al-Quran*. Perkembangan penulisan ilmu *Usul al-Tafsir* bermula lewat iaitu pada kurun ke-8 hijrah. Antara ulama terawal yang menggunakan istilah *Usul al-Tafsir* dalam penulisan mereka adalah Ibn Taimiyah (1345) dengan karya bertajuk *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*, Syah Waliyullah al-Dihlawi (1761) dengan karya bertajuk *Al-Fauzul Kabeer fi Usul al-Tafsir*, seterusnya ialah Muhd Siddiq Khan al-Qanuji (1878) dengan karya yang bertajuk *Al-Iksir fi Usul al-Tafsir*, dan seterusnya ialah Muhd Jamaluddin al-Qasimi (1913) dengan karya bertajuk *Rasa'il fi Usul al-Tafsir wa Usul al-Fiqh*. Meskipun Ibn Taimiyah merupakan penulis terawal yang membincangkan berkaitan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir*, namun beliau tidak menamakan karyanya dengan istilah *Usul al-Tafsir*. Judul *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir* itu diberikan oleh Muhd Jamil al-Syattiy. Ia berdasarkan penelitian beliau terhadap tujuan utama penulisan tersebut dibuat (Adnan Zurzur 1972).

## PENGENALAN MUSAID AL-TAYYAR

Tokoh yang dikaji berkaitan beberapa pemikiran *Usul al-Tafsirnya* dalam penulisan ini ialah Dr. Musaid Sulaiman al-Tayyar. Beliau merupakan salah seorang daripada pengkaji moden dalam bidang Ilmu Tafsir. Menurut Ismail Makhlaf (2014), al-Tayyar telah memberikan banyak sumbangan terhadap perkembangan Ilmu Tafsir. Beliau dilahirkan pada tahun 1956 dan kini bertugas sebagai seorang pensyarah bertaraf Profesor dalam bidang pengajian al-Quran di Fakulti Pengajian Islam, Universiti King Saud, Arab Saudi.

Latar belakang pendidikan beliau sangat cemerlang. Beliau berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah sarjana dalam bidang pengajian al-Quran dengan penulisan tesis yang berjudul *Waqf al-Quran wa Atharuha fi al-Tafsir*. Tesis tersebut telah dinilai cemerlang. Kemudian, beliau meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dengan tesis beliau yang bertajuk *al-Tafsir al-Lughawi li al-Quran al-Karim*. Ia juga telah dinilai dengan keputusan yang cemerlang sehingga melayakkan beliau menerima penghormatan kelas pertama.

Kecemerlangan akademik beliau sepanjang perjalanan pendidikannya dapat menggambarkan keupayaan intelektual beliau dalam bidang pengajian al-Quran. Antara karya-karya penulisan Dr. Musaid al-Tayyar adalah:

1. *Fusul Fi Usul al-Tafsir*
2. *Tafsir Juzu' Amma*
3. *Anwa' al-Tasnif al-Muta'alliqah bi Tafsir al-Quran*
4. *Al-Tafsir al-Lughawi li al-Quran al-Karim*
5. *Mafhum al-Tafsir wa al-Ta'wil wa al-Istinbat wa al-Tadabbur wa al-Mufassir*
6. *Maqalat fi Ulum al-Quran wa Usul al-Tafsir*
7. *Al-Muharrar fi Ulum al-Quran*
8. *Syarah Muqaddimah al-Tashil li Ulum al-Tanzil*
9. *Al-Ijaz al-Ilmiy ila aina*
10. *Al-Tahrir fi Usul al-Tafsir*

Penulisan-penulisan beliau ini sudah pasti membuktikan bahawa beliau seorang yang karismatik dalam bidang Tafsir. Sewajarnya kajian-kajian mengenai beliau dan karya-karyanya perlu diberi perhatian dalam wacana bidang al-Quran secara umum, khususnya *Usul al-Tafsir*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian dalam bidang ilmu *Usul al-Tafsir* kini dilihat semakin berkembang pesat seiring dengan keperluan memahami al-Quran dengan cara yang benar. Pengaruh *syubhat* yang dibawa oleh golongan orientalis Barat serta golongan yang menentang ajaran Islam berpotensi besar untuk menyeleweng pemahaman al-Quran yang sebenar jika ia tidak ditangani dengan cara yang benar. Dalam kajian *Usul al-Tafsir*, antara tokoh yang sering menjadi sandaran utama dalam memahami prinsip ilmu ini adalah Husein al-Dzahabi. Beliau diakui sebagai seorang yang berperanan penting dalam membahaskan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* menggunakan metodologi penulisan moden (Ahmad Nabil 2021). Namun, kedudukan al-Dzahabi sebagai rujukan utama tidak bermaksud pendirian beliau bebas dari kesilapan.

Dalam beberapa isu, pandangan al-Dzahabi telah mendapat kritikan oleh para pengkaji. Khususnya, pengkaji yang memiliki pemikiran yang kritis dan mengamalkan kajian yang mendalam seperti al-Tayyar. Kritikan yang dilontarkan menunjukkan keperluan yang mendesak untuk menilai kembali pandangan tokoh-tokoh terdahulu yang dianggap tidak tepat dalam kerangka analisis moden bagi mengelakkan ia dimanipulasikan oleh golongan yang menentang agama Islam. Contohnya, al-Dzahabi dilihat tidak konsisten dalam mengklasifikasikan kitab Tafsir al-Tabari sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur* berdasarkan definisi yang beliau kemukakan sendiri. Beliau menyatakan dengan jelas bahawa pentafsiran daripada *atba' tabi'in* tidak wajar dikategorikan sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*, walhal dalam Tafsir al-Tabari terdapat banyak pentafsiran dari golongan *atba' tabi'in* (al-Tayyar 2006).

Permasalahan sebegini berpotensi membuka ruang kepada pihak yang memusuhi ajaran Islam menuduh ajaran Islam sebagai ajaran yang tidak tulen. Hakikatnya, ia merupakan kesilapan para ulama dalam menjelaskan disiplin ilmu dan bukan kesilapan wahyu Ilahi. Persoalan yang timbul daripada kritikan-kritikan al-Tayyar adalah sejauh mana ia mampu memberi impak positif terhadap perkembangan ilmu *Usul al-Tafsir*. Disebabkan itu, kajian ini ditulis bagi menjustifikasi kerelevan kajian lebih mendalam berkaitan pemikiran *Usul al-Tafsir* oleh Musaid al-Tayyar dijalankan. Kedalaman analisis serta penguasaan terhadap ilmu *Usul al-Tafsir*

membuatkan pemikiran beliau memiliki nilai yang tersendiri. Beberapa argumen al-Tayyar terhadap beberapa isu *Usul al-Tafsir* bersama justifikasinya menunjukkan ia wajar diberi perhatian oleh para pengkaji bagi memperkuuh kefahaman terhadap disiplin ilmu ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini dilaksanakan berasaskan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen meliputi bahan ilmiah seperti artikel, jurnal, dan buku yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan iaitu berkaitan *Usul al-Tafsir* dari perspektif Musaid al-Tayyar. Data dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif dan tematik.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir*, terdapat pelbagai skop perbincangan yang telah dijalankan. Antara skop tersebut termasuk kajian mendalam mengenai disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* itu sendiri, kajian tentang pemikiran *Usul al-Tafsir* oleh tokoh-tokoh tafsir tertentu, serta kajian terperinci mengenai suatu topik khusus dalam *Usul al-Tafsir* seperti *al-Ijma' fi al-Tafsir* dan *Asbab al-Ikhtilaf fi al-Tafsir*.

Melihat kepada peranan ilmu *Usul al-Tafsir* dalam pentafsiran al-Quran, para ulama telah menjelaskan disiplin ilmu tersebut secara terperinci dalam penulisan mereka. Antara penulisan berkaitan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* dengan kajian lebih mendalam adalah seperti *al-Tafsir wa al-Mufassirun* oleh Husein al-Dzahabi (1978), *al-Dirasah fi Usul al-Ta'wil al-Quran* oleh Muhsin Hamid (1980), *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduhu* oleh Khalid al-'Ak (1986), *Buhus fi usul al-Tafsir* oleh Lutfi Sibagh (1988), *Usul al-Tafsir wa Manahijahu* oleh Fahd al-Rumi (1993), *Al-Tafsir fi usul al-Tafsir* oleh Abdul Haqq (2000), *Tafsir al-Quran Usuluhu wa Dawabituhu* oleh Ali Sulaiman (2010), *Usul al-Tafsir muhawalah fi al-Bina'* oleh Umar Hammad (2010), *Al-Madkhil ila Ilmi al-Tafsir fi Usul al-Tafsir* oleh Solah al-Khalidi dan Huzaifah al-Khalidi (2020) dan lain-lain.

Kajian berkaitan disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* telah banyak dijalankan oleh para pengkaji sebelum ini, namun ia tetap relevan untuk diteruskan pada masa kini. Ia kerana terdapat perbahasan penting yang masih belum dirungkaikan dengan baik seperti definisi bagi ilmu *Usul al-Tafsir*. Berdasarkan penelitian sekumpulan pengkaji daripada *Tafsir Centre for Quranic Studies* (2015) terhadap dua puluh empat penulisan *Usul al-Tafsir*, mereka mendapati definisi *Usul al-Tafsir* yang telah dikemukakan oleh para penulis berbeza-beza antara satu sama lain. Bahkan, terdapat perbezaan yang bersifat kontradik antara satu sama lain. Misalnya, Mahmud Abdul Latif (2006) menyatakan definisi bagi ilmu *Usul al-Tafsir* adalah sebuah ilmu yang diperlukan untuk memahami al-Quran. Musaid al-Tayyar (2014) pula melihatnya sebagai suatu ilmu yang berperanan memahami pentafsiran para ulama. Seterusnya, Khalid al-'Ak (1986) pula berpendapat ia adalah suatu metodologi yang perlu ditempuh oleh seseorang ahli tafsir. Perbezaan perspektif ini menunjukkan keperluan kajian lebih mendalam dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat mengenai disiplin ilmu *Usul al-Tafsir*.

Selain itu, para ulama *Usul al-Tafsir* juga turut berbeza pendapat dalam menyatakan topik-topik yang dibincangkan dalam disiplin ilmu tersebut. Perbezaan dalam menyatakan topik perbincangan berkaitan ilmu *Usul al-Tafsir* akan menghalang disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* difahami dengan lebih berstruktur. Selain itu, ia juga turut menimbulkan kekeliruan dalam membezakan antara disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* dengan disiplin ilmu-ilmu lain dalam Islam. Ini kerana semua

cabang ilmu dalam Islam pastinya perlu didasari oleh al-Quran sebagai sumber yang paling utama yang disusuli pula dengan al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Contohnya, Syah Waliyullah al-Dihlawi membincangkan topik berkaitan *Asbab al-Nuzul* yang mesti diketahui oleh ahli tafsir, kesenian dalam mentafsirkan al-Quran serta penyelesaian terhadap perbezaan pendapat dalam pentafsiran salaf, perbahasan lima *Ulum al-Quraniyyah* iaitu *Ilmu al-Ahkam*, *Ilmu al-Jidal*, ilmu berkaitan peringatan terhadap nikmat-nikmat Allah, ilmu berkaitan peringatan terhadap peristiwa-peristiwa terdahulu, ilmu berkaitan kematian dan setelah kematian dan pelbagai lagi. Ibn Taimiyah pula menjelaskan berkenaan topik keperluan umat dalam memahami al-Quran, tafsiran Rasulullah SAW terhadap al-Quran, langkah-langkah pentafsiran al-Quran, *al-Tafsir bi al-Ra'y* dan lain-lain. Perbezaan yang terjadi ini menegaskan kerelevan ilmu ini dikaji bagi memperjelas skop perbahasan ilmu ini serta memperkuuh pemahaman dan pengaplikasiannya dalam kajian tafsir moden.

Seterusnya, bentuk kajian *Usul al-Tafsir* yang turut kerap dijalankan oleh para pengkaji adalah mengenai pemikiran *Usul al-Tafsir* seseorang tokoh tafsir. Contoh kajian yang telah dijalankan adalah seperti tesis Sarjana bertajuk *Usul al-Tafsir* di sisi *Ibn Asyur* oleh Brahimy Tahir (2005). Selain itu adalah kajian *Usul al-Tafsir* di sisi *al-Farahi* oleh Iqbal Farhat (2006). Kemudian, sebuah tesis Sarjana bertajuk *Usul al-Tafsir* di sisi *Jamaluddin al-Qasimi* oleh Muhammad Maghribi (2006). Setelahnya adalah kajian Doktor Falsafah oleh Khalid Kambudi (2010) *Usul al-Tafsir* berpandukan *Muqaddimah* kitab-kitab tafsir yang terkenal. Seterusnya, karya *Usul al-Tafsir* di sisi *al-Syatibiy* oleh Ahmad Farid dan Sulaiman Ali (2009). Dan selepas itu adalah karya perbandingan pemikiran *Usul al-Tafsir* antara *al-Tobatoba'ie* dan Sarjana tafsir yang lain oleh Kamal al-Hidri (2010). Seterusnya adalah sebuah tesis Sarjana Pemikiran *Usul al-Tafsir al-Qadhi Abu Ya'la* oleh Jauharah Hamd (2011). Seterusnya pula adalah sebuah tesis Sarjana yang bertajuk *Usul al-Tafsir* di sisi Ibn Atiyyah' oleh Rimah Masyumah (2017). Seterusnya pula adalah kajian bertajuk analisis dan kritikan terhadap *Usul al-Tafsir dan kaedahnya oleh al-'Ak'*, ia merupakan satu kajian yang dilakukan oleh Jihad al-Nusairat (2020). Kemudian, karya *Usul al-Tafsir* dan kaedahnya di sisi Imam al-Nursi oleh Ridwan Jamal (2023). Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa kajian terhadap pemikiran *Usul al-Tafsir* seseorang tokoh tafsir dengan lebih mendalam bukanlah suatu perkara yang ganjil. Bahkan, ia adalah suatu kajian yang penting bagi mengetahui kaedah yang dijadikan sandaran oleh seseorang ahli tafsir dalam memahami al-Quran.

Walaupun banyak kajian telah dilakukan mengenai pemikiran *Usul al-Tafsir* bagi tokoh-tokoh tafsir, namun kajian lebih terperinci terhadap pemikiran Musaid al-Tayyar masih kurang diberikan perhatian. Ismail Makhlaf (2014) menulis kajian bertajuk *al-Tajdid fi al-Dirasah al-Quraniyyah*. Dalam kajian tersebut beliau telah menganalisis pemikiran tiga sarjana dalam bidang al-Quran berdasarkan penghususan masing-masing iaitu Musaid al-Tayyar berkaitan ilmu *Usul al-Tafsir*, Ghanim al-Hamid berkaitan Ilmu Tajwid dan *al-Rasm* serta al-Syahid al-Bushaykhi berkaitan Ilmu *al-Mustolahat al-Quraniyyah*. Menurut Ismail (2014), ketiga-tiga tokoh tersebut mempunyai peranan yang penting dalam gerakan *tajdid* dalam pengajian al-Quran. *Tajdid* yang dimaksudkan adalah menghidupkan semula pemahaman sebenar berkaitan pengajian al-Quran bersandarkan dasar-dasar yang diiktiraf oleh para ulama terdahulu dan terkemudian. Beliau mendatangkan idea ketiga-tiga sarjana tersebut terhadap beberapa isu yang dibangkitkan.

Antara pemikiran Musaid al-Tayyar yang dibincangkan adalah kaedah-kaedah pentafsiran al-Quran, *Kulliyat al-Quran* dan prinsip-prinsip yang menjadi asas dalam pentafsiran al-Quran. Kajian tersebut mendapati pemikiran Musaid al-Tayyar amat penting diketengahkan bagi memastikan pemahaman terhadap disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* dapat difahami dengan neraca yang benar. Sekalipun kajian ini telah menyentuh beberapa pemikiran *Usul al-Tafsir* Musaid al-Tayyar,

namun masih banyak lagi pemikiran *Usul al-Tafsir* beliau yang wajar diteliti dan masih belum dibincangkan dalam neraca akademik secara objektif. Kajian yang lebih terperinci berkenaan, sudah pasti akan memperkayakan lagi khazanah ilmu sekali gus merancakkan wacana dalam bidang *Usul al-Tafsir*.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Taha Ibrahim dan Sura Ismail (2020) berkenaan perbandingan pemikiran lima sarjana kontemporari dalam bidang al-Quran berkaitan isu pengumpulan al-Quran. Lima tokoh yang dipilih adalah Musaid al-Tayyar, Subhi Soleh, Ghani al-Hamid, al-Zurqani dan Fadl Hasan Abbas. Taha Ibrahim dan Sura Ismail (2020) telah menyatakan faktor pemilihan lima tokoh tersebut adalah disebabkan kesemua mereka memiliki kedudukan yang istimewa dalam pengajian Ilmu Tafsir al-Quran. Di samping itu, mereka juga memiliki pengaruh yang besar di pelbagai negara kerana penulisan mereka tersebar meluas. Analisis perbandingan pemikiran yang dilakukan ini tidak hanya memberikan perspektif yang lebih luas berkaitan isu pengumpulan al-Quran, malah menekankan juga kedudukan Musaid al-Tayyar sebagai salah seorang dari sarjana yang berpengaruh dalam pengajian al-Quran. Ia jelas menunjukkan sumbangan beliau diakui oleh para pengkaji.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Musaid al-Tayyar merupakan seorang pemikir yang kritis. Beliau dilihat kerap mengemukakan idea-idea kritikal serta tidak sekadar menerima pandangan pengkaji terdahulu semata-mata. Malah, beliau akan mengkritik pandangan-pandangan yang dianggap kurang tepat berdasarkan ketajaman analisis beliau dalam bidang pengajian al-Quran. Sebagai contoh, dalam isu pengklasifikasian *Tafsir al-Quran bi al-Quran*, ramai sarjana mengklasifikasikannya sebahagian daripada kategori pentafsiran *Tafsir bi al-Ma'thur*. Bahkan ia dianggap sebagai komponen tertinggi dalam pentafsiran al-Quran berpandukan sumber *Tafsir bi al-Ma'thur*. Hujah mereka adalah proses pentafsiran al-Quran dengan al-Quran telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat. Ketika para sahabat keliru dalam memahami makna *al-Zulm* pada ayat 82 dalam Surah al-An'am. Rasulullah SAW telah meluruskan kefahaman mereka dengan menjelaskan bahawa kezaliman yang dimaksudkan adalah syirik secara khusus. Baginda mentafsirkan kalimah *al-Zulm* pada ayat 82 dalam surah al-An'am dengan kalimah *al-Zulm* pada ayat 13 dalam surah Luqman (al-Tayyar 2006).

Musaid al-Tayyar tidak bersetuju dengan pengklasifikasian berkenaan. Beliau menyatakan *Tafsir al-Quran bi al-Quran* wajar diklasifikasikan sebagai *Tafsir bi al-Ra'yi*. Hujah yang beliau kemukakan adalah pada banyak keadaan, proses mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran dijalankan melalui *al-Ijtihad* dan bukan melalui *al-Riwayah*. Ia dapat dilihat dengan jelas pada penulisan tafsir yang menggunakan metode *Tafsir al-Quran bi al-Quran* seperti *Tafsir Adwa' al-Bayan fi Idhah al-Quran bi al-Quran* karya Muhammad Amin al-Syanqiti (1973). Berdasarkan penelitian al-Tayyar terhadap karya tersebut, beliau mendapati kebanyakan pentafsiran yang terdapat dalamnya adalah hasil ijtihad Muhammad Amin sendiri. Amin (1973) telah mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai hubungan topik perbahasan pada tempat yang sama. Kemudian beliau menjelaskan ayat yang ringkas dengan ayat yang terperinci, *mentaqyid* yakni mengikat ayat-ayat yang *mutlaq* dan pelbagai lagi. Ijtihad yang beliau kemukakan didasari oleh penguasaan mendalam terhadap pelbagai bidang ilmu dalam *al-Din al-Islami* (al-Tayyar 2014).

Musaid al-Tayyar berpendapat bahawa kebanyakan pengkaji yang mengklasifikasikan *Tafsir al-Quran bi al-Quran* ke dalam *Tafsir bi al-Ma'thur* hanya bertaklid dengan ijtihad Hussein al-Dzahabi

semata-mata. Mereka dianggap tidak meneliti perbahasan tersebut dengan lebih mendalam. Sekalipun Musaid al-Tayyar berbeza pandangan dengan kebanyakan pengkaji dalam isu ini, namun beliau tidak bersendirian dalam memilih pandangan tersebut (al-Tayyar 2014). Solah al-Khalidi (2008) juga menyatakan pendirian yang sama. Oleh kerana itu, pengkaji melihat kritikan-kritikan yang dilontarkan oleh Musaid al-Tayyar bukanlah satu kritikan yang tidak berasas. Malah, ia didasari dengan penguasaan yang mendalam terhadap disiplin ilmu *Usul al-Tafsir*. Kajian yang lebih mendalam berkaitan pemikiran *Usul al-Tafsir* beliau pasti akan mampu menemukan asas-asas bagi idea beliau serta dapat membantu para pengkaji terkemudian memilih pandangan yang paling tepat dalam suatu permasalahan *Usul al-Tafsir*.

Pengaruh Husein al-Dzahabi dalam kajian disiplin ilmu *Usul al-Tafsir* amat jelas. Angam Husain (2022) menyatakan bahawa kitab *al-Tafsir wa al-Mufassirun* karya Husein al-Dzahabi merupakan kitab yang sering dijadikan rujukan oleh para pengkaji moden. Keunggulan dalam penjelasan dan penyusunan penulisan yang ditampilkan oleh al-Dzahabi telah menarik minat para pengkaji untuk merujuk kitab tersebut. Tambahan pula, penulisan yang membincangkan dengan lebih terperinci berkaitan ilmu *Usul al-Tafsir* dan *Manahij Mufassirin* tidak didapati sebelumnya. Kebergantungan yang terlalu besar terhadap karya ini telah menjadikan setiap pendirian al-Dzahabi dijadikan sandaran oleh kebanyakan pengkaji. Melihat kepada kritikan Musaid al-Tayyar terhadap beberapa pandangan al-Dzahabi berkaitan *Usul al-Tafsir*, pengkaji merasakan justifikasi yang diberikan oleh al-Tayyar wajar diwacanakan bagi mendapatkan pendapat yang paling tepat.

Antara kritikan Musaid al-Tayyar terhadap al-Dzahabi adalah berkaitan isu pengklasifikasian kitab-kitab tafsir berpandukan sumber pentafsiran al-Quran. Al-Tayyar berpandangan pengklasifikasian tersebut dibuat tanpa didasari ilmu yang jelas. Kesalahan dalam pengklasifikasian akan memberi gambaran yang salah terhadap sesuatu kitab tafsir. Contohnya, al-Dzahabi telah mengklasifikasikan Tafsir al-Tabari sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*. Al-Tayyar tidak bersetuju dengan pengklasifikasian tersebut. Beliau mengatakan terdapat banyak unsur ijtihad yang terdapat dalam Tafsir al-Tabari seperti proses pentarjihan antara pandangan-pandangan, proses istinbat ayat al-Quran berdasarkan *Qawaid al-Lughah* dan *Siyaq*, pentafsiran yang dibuat secara *Ijmaliy* pada permulaan ayat mahupun selepas penyebutan *Aqwal al-Ulama*' ketika mentafsirkan ayat dan lain-lain. Imam al-Tabari tidak menukilkan riwayat-riwayat tafsir daripada salaf semata-mata.

Selain itu, al-Dzahabi juga mengklasifikasikan Tafsir al-Khazin sebagai *Tafsir bi al-Ra'y*. Al-Tayyar tidak bersetuju dengan pandangan demikian. Hujah yang dikemukakan oleh beliau merujuk kepada *Muqaddimah* Tafsir al-Khazin. Imam al-Khazin sendiri telah menyatakan tujuan penulisan kitab tafsir tersebut dijalankan adalah untuk meringkaskan kitab Tafsir al-Baghawi. Al-Dzahabi telah mengklasifikasikan Tafsir al-Baghawi sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*. Persoalan yang timbul adalah mengapa terdapat perbezaan dalam sumber pentafsiran bagi kitab asal dan kitab ringkasan? Terdapat hujah yang menyatakan bahawa proses meringkaskan sesuatu kitab menjadikan kitab ringkasan wajar diklasifikasikan sebagai *Tafsir bi al-Ra'y*. Ini kerana terdapat unsur ijtihad dalam proses meringkaskan sesuatu kitab. Namun, al-Dzahabi tidak menerapkan pendekatan yang konsisten terhadap kitab Tafsir al-Tsa'alabi. Ia merupakan sebuah kitab ringkasan bagi kitab Tafsir Ibn 'Atiyyah. Al-Dzahabi mengklasifikasikan kedua-dua kitab tersebut sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur* (al-Tayyar 2014). Tidak konsisten dalam menyatakan pendirian merupakan petunjuk penting bahawa terdapat kewajaran supaya diteliti semula beberapa pendapat al-Dzahabi berdasarkan kepada disiplin ilmu yang lebih mendalam dan sistematik.

Seterusnya, al-Dzahabi mendefinisikan *Tafsir bi al-Ma'thur* sebagai sebarang pentafsiran daripada para sahabat dan tabi'in. Pentafsiran daripada *atba' tabi'in* tidak dikira sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*, sekalipun ia diriwayatkan dan diterima oleh generasi terkemudian. Sebaliknya, ia dikira sebagai *Tafsir bi al-Ra'y*. Berdasarkan tinjauan al-Tayyar terhadap Tafsir al-Tabari, beliau mendapati jumlah pentafsiran oleh *atba' tabi'in* lebih banyak berbanding pentafsiran daripada para sahabat dan *tabi'in*. Oleh itu timbul persoalan mengapa Tafsir al-Tabari masih diklasifikasikan sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*? Terdapat percanggahan yang jelas antara definisi *Tafsir bi al-Ma'thur* yang dikemukakan oleh al-Dzahabi dengan ciri-ciri kitab tafsir yang diklasifikasikan sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur*. Oleh kerana itu, al-Tayyar mengkritik idea ini kerana ia jelas tidak konsisten dalam menyatakan idea yang dikemukakan (al-Tayyar 2014).

## KESIMPULAN

Kajian mengenai pemikiran *Usul al-Tafsir* Musaid al-Tayyar amat signifikan untuk dijalankan kerana beliau merupakan seorang pemikir yang kritis dan berpengaruh dalam dunia pengajian al-Quran moden. Beliau juga dilihat memberi kritikan dengan jelas terhadap beberapa pendirian *Usul al-Tafsir* yang dikemukakan oleh Husein al-Dzahabi dalam penulisannya, sedangkan al-Dzahabi telah dianggap sebagai rujukan utama bagi sebilangan besar para pengkaji moden. Tambahan pula, kajian berkaitan pemikiran Musaid al-Tayyar terhadap ilmu *Usul al-Tafsir* masih lagi sedikit dijalankan. Kajian berkaitannya pasti akan menemukan pelbagai aspek yang menarik sama ada secara tersurat mahupun yang tersirat berkaitan idea-ideanya. Kajian ini juga merupakan satu tanda penghargaan terhadap sumbangan yang telah beliau curahkan dan diharapkan ia dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji serta masyarakat yang ingin mengetahui tentang pemikiran sarjana ini.

### Penghargaan:

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan (GUP) yang berdaftar secara rasmi dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah kod pendaftaran [GUP-2024-112].

## RUJUKAN

- Ahmad Nabil Amir. 2021. Kitab al-Tafsir wa al-Mufassirun dan Pengaruhnya dalam kajian Tafsir. *Jurnal Iman dan Spiritualitasm Volume 1*, Nombor 3: pp, 280-285.
- Angam Husain Ahmad Abdul Na'im. 2022. *Juhud al-Ulama' al-Azhar fi khidmat al-Quran al-Karim Muhammad Hussein al-Dzahabi fi kitabih al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Egypt: Majallah Kuliyah al-Dirasah al-Islamiyyah li al-Banat Bisuhaj.
- Al-'Ak, Khalid Abdul Rahman. 1986. *Usul al-Tafsir wa Qawaiduhu*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Al-Dihlawi, Ahmad bin Abd al-Rahim. 1986. *Al-Fauzul Kabeer fi Usul al-Tafsir*. Egypt: Dar al-Sahwah.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. 2008. *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Husein al-Dzahabi. 1978. *Tafsir wa al-Mufassirun*. Egypt: Dar al-Hadith al-Misriah.
- Ibn Taimiyah, Taqi al-Din Ibn Abd al-Halim. 1980. *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Ismail Makhraf Khudair al-Zaidi. 2014. *Al-Tajdid fi al-Dirasah al-Quraniyyah*. Iraq: Bahs Ilmiy al-Jami'ah al-Iraqiyyah.

- Jihad al-Nusairat. 2020. *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduhu li al-Syaikh al-'Ak Tahlil wa Naqd*. Jordan: University of Jordan.
- Mahmud Abdul Latif. 2006. *Al-Qaul al-Mubin fi Usul al-Tafsir wa Manahij al-Mufassirin*. Egypt: Matba'ah al-Arabiyyah al-Hadisiah bi Suhaj.
- Salman Zainal Abidin. 2020. *Analisis tafsir hermeneutik berdasarkan pendekatan Usul al-Tafsir*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Sanhani, Abdullah. 2015. *Sirah al-Syaikh Musaid Bin Sulaiman al-Tayyar*. Ma'ahad Afaq al-Taisir li al-Ta'lim 'an bu'di. <https://afaqattaiseer.net/vb/showthread.php?t=26451>. (7 Januari 2015).
- Al-Tayyar, Musa'id bin Sulaiman bin Nasir. 2014. *Fusul fi Usul al-Tafsir*. Riyadh: Dar al-Nasyr al-Dauliyah.
- Al-Tayyar, Musa'id bin Sulaiman bin Nasir. 2006. *Mafnum al-Tafsir wa al-Ta'wil wa al-Istinbat wa al-Tadabbur wa al-Mufassir*. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi.
- Wahdah Usul al-Tafsir bi Markaz Tafsir li al-Dirasah al-Quraniyyah. 2015. *Usul al-Tafsir fi al-Muallafat*. Riyadh: Tafsir Centre For Quranic Studies.
- Yasir Ismail Radi. 2014. *Contribution of Qur'an Commentators to the Discipline of Fundamentals of Exegesis:A study of the Introduction to Qur'an*. Malaysia: Department of Quran and Sunnah Studies, IIUM.
- Taha Ibrahim Shibeeb, Suraa Ismail Daud. 2020 *Mabahis Jam'ul al-Quran fi Kutub al-Mufassirin al-Mu'tamadah Dirasah Muqaranah*. Egypt:Majallah Buhus Kuliyyah al-Adab Al-Jami'ah al-Manoufia.